

Sengketa antara negara Arab di Teluk jejasakan imej Islam - Dr. M

UM 18 AUG 1990

SEREMBAN 17 Ogos - Sengketa antara negara - negara Arab di Teluk kini menjejaskan imej Islam di kalangan bukan Islam di seluruh dunia, kata Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini.

Perdana Menteri berkata, krisis Teluk ekoran pencerobohan tentera Iraq ke atas Kuwait, baru - baru ini juga mengakibatkan kepercayaan orang bukan Islam terhadap kebaikan agama itu menjadi pudar.

Katanya, kepercayaan golongan itu terhadap Islam akan pudar apabila melihat perbuatan orang Islam sendiri terhadap orang Islam yang lain di Teluk.

"Mereka tidak akan percaya (penerangan itu) dan mereka akan berkata: Lihatlah saudara seagama, saudara dalam Islam, tetapi begitu kejam sekali melanggar tanpa memberi amaran...tidak berusaha berunding untuk menyelesaikan masalah," katanya pada majlis meletakkan batu asas projek Pusat Dakwah Islamiah, di Paroi dekat sini.

Perdana Menteri bertanya adakah perbuatan itu (pencerobohan Iraq ke atas Kuwait) akan

meninggikan imej Islam, menguatkan dakwah Islam dan mengukuhkan pandangan dunia terhadap agama Islam?

Walau apa pun dakwaan Iraq dan Kuwait berhubung krisis itu, soal pencerobohan oleh orang Islam secara kekerasan terhadap orang Islam yang lain harus dielakkan, katanya.

Dato' Sri Dr. Mahathir berkata, sepatutnya segala masalah antara orang Islam diselesaikan secara rundingan.

Perdana Menteri juga bimbang terhadap kemungkinan tempat - tempat suci di Mekah dan Madinah diserang jika berlaku peperangan di Teluk.

Sambil mengimbas kembali serangan ke atas Masjidil Haram beberapa tahun lepas oleh umat Islam sendiri, beliau berkata, jika berlaku peperangan di Teluk adalah tidak menghairankan jika Mekah dan Madinah dibom oleh tentera negara terbabit, semata - mata kerana perbezaan pandangan politik di kalangan kumpulan umat Islam.

"Ini bukanlah teladan yang baik untuk kita contoh. Ini adalah perbuatan yang memburuk-

kan agama Islam dan nasib orang Islam," katanya.

Dato' Sri Dr. Mahathir berkata, keadaan yang serupa juga berlaku di negara ini kerana umat Islam berpecah - belah akibat ada golongan menuduh golongan Islam lain sebagai tidak begitu Islam.

Perdana Menteri berkata, UMNO yang dianggotai oleh majoriti umat Islam dikedecap kerana bekerjasama dengan bukan Islam.

Menurutnya, golongan bukan Islam yang berganding dengan UMNO bukannya musuh malah mereka menerima kedudukan istimewa agama Islam sebagai agama rasmi negara ini.

"Tuhan Maha Besar. Hari ini orang yang membuat tuduhan itu...mereka juga bekerjasama dengan orang bukan Islam yang lebih dahsyat lagi... yang tidak mahu terima kedudukan agama Islam dalam negara ini," katanya.

Dato' Sri Dr. Mahathir berkata, rakyat harus membandingkan perbuatan golongan tersebut dengan usaha yang dijalankan oleh kerajaan untuk meningkatkan syiar Islam seperti penu-

LIHAT MUKA 2

SENGKETA ANTARA NEGARA ARAB DI TELUK JEJASKAN IMEJ ISLAM - DR. MUM

18 AUG 1990

bukan Universiti Islam Antarabangsa (UIA) dan Bank Islam.

Katanya, cara perniagaan dan skim pinjaman Bank Islam diterima oleh bukan Islam apabila syarikat Shell, baru - baru ini membuat pinjaman dengan bank itu manakala bank - bank lain juga turut mengamalkan urusniaga secara Islam.

Dato' Sri Dr. Mahathir berkata, dakwah yang berkesan kepada bukan Islam ialah dengan menunjukkan kejayaan umat Islam dalam pelbagai bidang.

Katanya, penduduk Arab menerima Islam suatu ketika dahulu kerana melihat keberkesanan dan keadilan pentadbiran Rasulullah di Madinah manakala 'nenek - moyang kita menerima Islam kira - kira 700 tahun lalu' kerana melihat kejayaan pedagang Islam yang datang dari India, Arab dan Yemen.

Perlu kepakaran

Pengaruh Islam akan berkembang jika umat Islam mencapai kejayaan, sebaliknya jika mereka mundur dan miskin, mereka tidak dapat mempengaruhi orang lain malah pegangan mereka terhadap agama juga akan luntur, katanya.

Umat Islam perlu menunjukkan kebaikan Islam kepada bukan Islam semasa hidup di dunia kerana 'rakan - rakan kita tidak boleh tunggu hingga akhirat untuk melihat kebaikan agama Islam,' tambah beliau.

Beliau berkata, dakwah tidak seharusnya ditumpukan kepada bidang agama sahaja kerana umat Islam juga memerlukan kepada kepakaran dalam bidang - bidang lain seperti perubatan, undang - undang dan perniagaan.

"Meskipun mereka menumpukan pengetahuan kepada bidang berkenaan, tidak bermakna mereka tidak beribadat. Jangan fikir orang lain yang tidak menghabiskan masa dengan agama tidak ada hak dan tempat di akhirat," katanya.

Sebelum itu, Menteri Besar Dato' Haji Mohd. Isa Abdul Samad berkata, pembinaan pusat dakwah berharga kira - kira \$6 juta itu akan bermula awal bulan depan.

Katanya, kompleks itu apabila siap kelak antara lain akan dilengkapi dengan sebuah dewan

besar, asrama dan bengkel.

Yang turut hadir pada majlis itu ialah Menteri Perusahaan Awam, Dato' Napsiah Omar, Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, Dato' Haji Khalid Yunos dan bekas Timbalan Menteri Luar Dato' Kadir Sheikh Fadzir. - Bernama.